



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 30 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JPS SHOULD BE UNDER THE JURISDICTION OF AGRICULTURE MINISTRY, NATION, KWONG WAH YIT POM -A8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3.	3.6 TAN IKAN DIRAMPAS, SINAR NEGERI PULAU PINANG, SH -33 TIGA BOT NELAYAN DITAHAN, NASIONAL, BH -36	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	CAMERON HIGHLANDS MINI, LOKAL, HM -24	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	CILI IMPORT MASIH MENDOMINASI PASARAN MALAYSIA, NASIONAL, HARAKAH -N6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7. 8.	HARGA IKAN TERKAWAL, BEKALAN MENCUKUPI SEPANJANG MUSIM TENGGUJUH, NASIONAL, SH -20 LKIM BANTU PERKASA PENDIDIKAN ANAK NELAYAN, NASIONAL, BH -34 LKIM CADANG WUJUD KUOTA KHAS ANAK NELAYAN DI IPT, SBP, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA LEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	50 TAHUN MEMPERKASA SEKTOR PERTANIAN, MUKA DEPAN, SH -1	AGROBANK
10. 11. 12.	IKAN LAGA DIJUAL RM7,000 SEEKOR, SINAR NEGERI TERENGGANU, SH -37 KOPERASI PETANI KURANGKAN FUNGSI ORANG TENGAH, MUKA SEPULUH, BH -10 FRONT-ROW SEATS TO TURTLE HATCHLINGS RELEASE ON BEACH, EVENTS, THE STAR -9	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	JPS should be under the jurisdiction of Agriculture Ministry		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	30 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A8	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	158 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,772
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,316



【马兹兰：方便下达指示】 水利局应归农部管辖

（大山脚 29 日讯）农民组织机构（LPP）主席拿督马兹兰呼吁政府，将水利灌溉局（JPS）交由农业部管辖，因大部分水利灌溉局的活动，都与农业有关。

他说，由于排水系统是由水利灌溉局管理，而水利灌溉局现由天然资源部掌管非农业部，农民组织机构并没有指示水利灌溉局进行任务的权力。

“比如我们进行巡视，可以邀请水利灌溉局官员参与，但不能下达指示，这是问题所在，若他们属于农业部，就方便行事。”

他是周六（28 日）出席槟州“回到校园”活动时，在记者会上针对在玻璃市州近 500 英亩稻田因排水系统不完善，水源无法流入，而导致稻穗干枯一事，提出意见。他也认为，有关当局应进行研究，发展及扩大现有的蓄水池，最重

要的是，在种植季节储水。

修改章程扩大福利

马兹兰表示，即将在明年 1 月 15 日举行的国家农民组织（NAFAS）常年代表大会上，提呈一项建议，即修改现有的国家农民组织教育基金章程，扩大福利援助范围。

他说，一旦这项建议被代表们接纳，基金会名称也将改为国家农民组织农民基金。

他表示，现有的基金只是资助教育，扩大基金会范围后，将不再只限于教育，而是包括福利。

“有农民反馈现有的福利援助不足，扩大范围后基金会可对外筹款，相信福利工作将更顺利进行，可让更多农民受惠，如贫穷或受灾的农民，这是我们所期望的。”

当天，农民组织机构共派出 100 份援助金予会员子女，全槟共有 271 人获得援助。#



农民组织机构派出援助金予受惠的会员子女。

3.6 tan ikan dirampas

Tujuh nelayan dalam dua bot ditahan tangkap-ikan di luar zon ditetapkan

SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Dua bot nelayan tempatan kelas C ditahan bersama 3.6 tan ikan selepas disyaki menjalankan aktiviti menangkap ikan di luar zon yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, kedua-dua bot itu ditahan secara berasingan dalam



Sebuah bot nelayan kelas C yang ditahan di Pulau Bidan kelmarin.



Pasukan APMM Pulau Pinang memeriksa tiga daripada tujuh nelayan yang ditahan di Pulau Bidan kelmarin.

Op Pertiwi yang dilakukan tengah hari kelmarin.

Menurutnya, pihaknya turut menahan seorang nelayan warga tempatan berusia 44 tahun dan enam warga Thailand berusia

pada jarak 11.4 batu nautika dari timur laut Pulau Bidan.

“Turut dirampas tiga gulung pukat tunda, empat papan tunda, 600 kilogram ikan baja dan 3,000 kilogram ikan campur. Mereka yang

ditahan bersama barang rampasan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Batu Uban untuk siasatan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kesemua

nelayan tersebut melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan di bawah 15 batu nautika.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	36

Tiga bot nelayan ditahan

Ceroboh zon larangan menangkap ikan di Sungai Belukang

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Lumut: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Perak menahan tiga bot nelayan tempatan kelas B bersama 18 kru termasuk 13 warga Myanmar kerana menceroboh zon larangan menangkap ikan di perairan Sungai Belukang, Selekoh dekat Bagan Datuk, semalam.

Tiga bot berkenaan ditahan kira-kira 3.2 batu nautika dari muara Sungai Belukang ketika menangkap ikan kira-kira jam 3 pagi.

Pengarah Maritim Malaysia Perak, Kepten Maritim Shahrian Raman, berkata sebuah bot dikendalikan tekong warga tempatan dan lima awak-awak warga Myanmar manakala dua lain masing-masing dikendalikan dua warga tempatan dan empat warga Myanmar.

Katanya, pemeriksaan lanjut mendapati ketiga-tiga bot nelayan berkenaan melanggar syarat-syarat ditetapkan Ketua-Pengarah



Tiga bot nelayan yang ditahan kerana menceroboh zon larangan menangkap ikan di perairan Sungai Belukang, Selekoh dekat Bagan Datuk, semalam.

Perikanan Malaysia.

"Turut dirampas ialah 200 kilogram (kg) hasil tangkapan pelbagai jenis ikan untuk setiap bot ditahan.

"Bot bersama semua suspek yang ditahan berusia antara 23 hingga 48 tahun itu dibawa ke Pusat Tahanan Vesel, Sitiawan untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam kes berasingan, Zon Maritim Kuala Kurau menahan se-

buah bot gentian kaca tanpa nombor pendaftaran bersama tekong tempatan dan dua awak-awak warga Myanmar kerana melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985.

Shahrian berkata, bot bersama kru berusia antara 28 hingga 30 tahun itu ditahan kira-kira 5.5 batu nautika dari Pulau Pasir Hitam, Taiping pada 4.30 petang kelmarin.

"APMM turut merampas 28 unit bubu naga dalam bot berkenaan, selain 60 kg pelbagai je-

nis ikan yang semuanya dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Kuala Kurau untuk siasatan lanjut," katanya.

Orang ramai diminta bekerjasama menyalurkan maklumat berkenaan jenayah atau kecemasan di laut melalui talian kecemasan 24 jam MERS 999.

Maklumat juga boleh disalurkan dengan menghubungi Pusat Operasi Maritim Perak di talian 05-6838737 atau Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Kurau di talian 05-7279919.

Cameron Highlands mini

Lelaki berjaya biak lebih 1,000 pokok strawberi di sekeliling rumah di Jerantut

Oleh Roselan Ab Malek
am@hmetro.com.my

Jerantut

U mum mengetahui pokok strawberi adalah tumbuhan tanah tinggi yang hidup subur di kawasan beriklim sejuk namun seorang penduduk di Taman Seri Embun dekat Jerantut membuktikan ia boleh hidup di kawasan panas.

Bermula dengan hanya enam pokok, sekeliling rumahnya kini dilatari pokok strawberi yang berbuah seolab-seolah mini Cameron Highlands.

Syed Northaimi Syed Zin, 54, berkata dia tidak menyangka ia tumbuh subur di kawasan panas kerana sebelum ini hanya melihat strawberi banyak ditanam di lokasi sejuk seperti di Cameron Highlands saja.

"Saya mula berminat menanam strawberi apabila melihat rakan menanam beberapa pokok itu di rumahnya walaupun kawasannya panas.

"Saya sukakan cabaran se-



SYED Northaimi menunjukkan pokok strawberi yang tumbuh subur di sekeliling rumahnya di Taman Embun Jaya.

nan dalam bidang tanaman menyebabkan membeli enam pokok daripadanya untuk dicuba," katanya, semalam.

Usaha gigihnya sejak dua tahun lalu menampakkan hasil apabila berjaya membiak lebih 1,000 pokok strawberi di sekeliling rumah.

Syed Northaimi berkata, pada mulanya dia membiak strawberi jenis *Japanese Sweet Charlie* (JSC) yang di-

gaan apabila dua kali gagal pada awalnya apabila dalam tempoh sebulan banyak pokok strawberi mati disebabkan serangan kulat dan penyakit.

"Kegagalan itu mendorong saya terus berusaha sehingga berjaya dan kini sudah dapat mengatasi masalah itu," katanya.

Kini, rumahnya yang dipenuhi ribuan pokok berbuah merah itu bukan saja menjadi tumpuan pendukung dari daerah ini malah pengujung dari Jengka, Temerloh dan Lipis.

"Meraka bukan sekadar melawat malah turut membeli beberapa selain wberi selain mendapat khidmat nasihat cara menanam, penjagaan dan pemba-



jaan.

"Malah, Pengarah Pertanian Pahang, Datuk Zahimi Hassan turut kagum dengan rimbunan pokok strawberi di rumah saya ketika melawat baru-baru ini," katanya.

ngan seperti di Cameron Highlands," katanya.

Katanya, strawberi yang ditanam dalam pasu di tempat terbuka itu senang di-

biak melalui anak suburnya.

"Saya pernah berdepan du-

Cili import masih mendominasi pasaran Malaysia

KUALA LUMPUR: Kelemahan dan kelompangan dalam sistem penguatkuasaan undang-undang penyebab utama cili import Vietnam masih lagi berleluasa dalam pasaran Malaysia.

Ahli Parlimen Keman, Che Alias Hamid berkata, penyeludupan cili import tanpa kawalan menyebabkan berlakunya kemerosotan pasaran cili tempatan sekali gus menjejaskan pendapatan peladang dan peniaga.

“Persoalannya, sejauh mana keberkesanan tindakan dan sekatan dilakukan bagi mencegah kemasukkan cili import beracun terutama dari Vietnam terutamanya ke Malaysia dipantau dan dibanteras secara serius oleh Kerajaan?”

“Saya difahamkan bahawa Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyatakan sehingga hujung tahun ini tiada lagi cili im-

port Vietnam. Namun begitu, mengapa kemasukan cili merah dari Vietnam masih lagi didapati di pasar raya?” Soalnya dalam satu kenyataan media.

Julai lalu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin mengumumkan tiada lagi pengimportan cili merah dari Vietnam sehingga hujung tahun ini.

Ia berikutan pemantauan persampelan cili merah dari negara berkenaan menunjukkan kandungan ‘*maximum residue limit*’ (MRL) melebihi paras dibenarkan.

Namun, minggu lalu, sebuah pertubuhan peladang menyuarakan rasa kesal terhadap sikap sesetengah pihak yang bertindak mengimport cili luar nega-



Che Alias Hamid

ra secara besar-besaran sehingga menjejaskan pendapatan petani tempatan, di samping mempersoalkan bagaimana bekalan cili berkenaan boleh terlepas.

Mengulas lanjut, Che Alias mengharapkan kerajaan terus melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan secara tegas dan konsisten termasuk kawalan permit import (AP) cili import secara ketat agar tidak mudah diselewengkan.

Dalam masa yang sama, beliau turut mengesyorkan supaya menteri berkaitan dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperhebatkan lagi promosi kelebihan cili tempatan berbanding cili import.

Harga ikan terkawal, bekalan mencukupi sepanjang musim tengkujuh

KUALA SELANGOR - Harga ikan di seluruh Malaysia secara kesetruhan-nya masih terkawal dan bekalan juga mencukupi di pasaran sepanjang musim tengkujuh yang dijangka berakhir Mac tahun depan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Mohd Faiz Fadzil berkata, LKIM dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) sentiasa memastikan bekalan ikan mencukupi dan tidak bertukar peningkatan harga.

Menurutnya, aktiviti

tangkapan ikan pada musim tengkujuh masih berterusan, malah hasil tangkapan juga meningkat.

"Namun, apabila berlaku fenomena seperti bencana yang mengesjut, kadang-kadang ada pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga ikan," katanya pada sidang akhbar selepas program *Back To School/Anak-anak Nelayan* di Kompleks LKIM Kuala Selangor di sini semalam.

Mohd Faiz berkata, LKIM melancarkan bebe-

rapa program dengan mewujudkan pasar nelayan bagi memendekkan rantaian pemasaran hasil nelayan dengan memasarkan hasil tangkapan secara terus kepada pengguna.

"Kita ada sebanyak 129 pasar nelayan di seluruh Malaysia yang kebanyakannya di kawasan pengkalan nelayan.

"Kita juga ada Q-Fish yang dipelopori Nekmat di dua tempat iaitu di Kuala Kedah dan Kuala Besut yang menyediakan bekalan ikan segar beku," katanya.



Mohd Faiz bergambar bersama program *Back To School/Anak-anak Nelayan* di Kompleks LKIM Kuala Selangor semalam.

LKIM bantu perkasa pendidikan anak nelayan

Ramai tidak habis sekolah, mahu bekerja pada usia muda

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran
naserah.amran@bh.com.my

Jor Setar: Kira-kira 10 peratus anak nelayan didapati tercicir daripada arus perdana pendidikan erikutan mahu bekerja lebih awal bagi membantu keluarga.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, berkata pihaknya komited membantu memperkasakan pendidikan anak nelayan, sejajar usaha mengatasi masalah keciciran dalam kalangan mereka.

Katanya, rekod hasil kajian mendapati golongan 10 peratus anak nelayan yang tidak menamatkan persekolahan memberi laluan mahu mula bekerja pada usia muda.

"Masalah ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan nelayan tetapi juga di tempat lain.

"Bagaimanapun, kita fokus membantu anak nelayan supaya jika mereka mahu menjadi nelayan, jadilah nelayan berkualiti berbekalkan ilmu," katanya.

Beliau berkata demikian



Muhammad Faiz menyerahkan bantuan persekolahan kepada anak nelayan pada Program Kembali Ke Sekolah Anak Nelayan LKIM di Kuala Kedah, semalam.
(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Kita fokus membantu anak nelayan supaya jika mereka mahu menjadi nelayan, jadilah nelayan berkualiti berbekalkan ilmu.

Muhammad Faiz Fadzil,
Pengerusi LKIM

pada sidang media Program Kembali Ke Sekolah Anak Nelayan LKIM di Dewan Komuniti Nelayan, Kuala Kedah di sini, semalam.

Secara keseluruhan, seramai 650 penerima merangkumi anak nelayan di Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Sabah dan Sarawak menerima bantuan persekolahan secara berperingkat.

Muhammad Faiz berkata, pihaknya akan berbincang bagi mendapatkan kuota khas anak

nelayan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan institusi pengajian tinggi lain.

"Kita harap kerajaan dapat memberi perhatian khusus bagi menyediakan peluang kepada mereka melanjutkan pengajian."

"Kita ingin memberi anak nelayan peluang mendapat pendidikan sempurna supaya golongan luar bandar ini dapat mengubah kehidupan mereka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

LKIM cadang wujud kuota khas anak nelayan di IPT, SBP



Muhammad Faiz menegaskan kerajaan pimpinan Pakatan Harapan tidak pernah sesekali meminggirkan golongan nelayan terutama melalui bantuan dan insentif yang disalurkan kepada mereka. - Astro AWANI
KUALA KEDAH: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mencadangkan supaya satu kuota khas diwujudkan di institusi pengajian tinggi (IPT) dan sekolah berasrama penuh (SBP), khusus untuk anak-anak nelayan.

Perkara itu akan dibincangkan bersama Kementerian Pendidikan dalam masa terdekat, menurut pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil. Katanya, kuota terbabit perlu diwujudkan bagi meningkatkan taraf pendidikan golongan tersebut memandangkan lebih 10 peratus anak-anak nelayan menghadapi kekangan dalam meneruskan pengajian, termasuk berdepan masalah keciciran, akibat kemiskinan keluarga.

Tambahnya, pihak LKIM juga turut akan mengkaji kaedah terbaik untuk melibatkan anak-anak nelayan dalam teknologi industri perikanan dan marin bagi memberi mereka pendedahan mengenai ilmu teknologi perikanan baharu. Beliau juga menegaskan, pihaknya tidak mahu masa depan nelayan ini dengan mempunyai anak-anak yang tidak lengkap pengajiannya hanya kerana ingin bekerja lebih awal.

"Mana-mana sektor pun ada masalah sama. Jadi, untuk nelayan, saya fokuskan supaya anak-anak ini diutamakan, supaya mereka jadi insan berkualiti.

"Walaupun jadi nelayan, tetapi mereka berkualiti, sebab bidang ini memerlukan satu anjakan dari sudut peralatan dan teknologinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan penyerahan bantuan 'Kembali Ke Sekolah' bersama anak nelayan di Dewan Komuniti Nelayan Kuala Kedah di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, Muhammad Faiz menegaskan kerajaan pimpinan Pakatan Harapan tidak pernah sesekali meminggirkan golongan nelayan terutama melalui bantuan dan insentif yang disalurkan kepada mereka.

Jelasnya, inisiatif yang diambil terutama menerusi LKIM adalah bagi meneruskan perjuangan dan legasi yang ditinggalkan bekas presiden PAS, Allahyarham Datuk Fadzil Noor dalam membela nasib golongan tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2019	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

TELUS & TULUS 

Sinar

harian

PELANCARAN
VISI & MISI BAHARU

7 November 2019



50 Tahun
Memperkasa Sektor
Pertanian Negara



Visi Baharu
**MEMPERKASA PERTANIAN
MELANGKAUI PERBANKAN**

1969
2019
#Agrobank50Tahun



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2019	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	2

MEMPERKASAKAN SEKTOR PERTANIAN UNTUK MENCAPAI PERTUMBUHAN MAMPAN MELALUI VBI*

Sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang tertumpu pada sektor pembangunan dan pemeraksaan komuniti, pelaburan dalam pembangunan sosial dan mencipta nilai buat manusia dan bumi kita, Agrobank menjalankan memaksimumkan peranannya sebagai pengantara kewangan berasaskan ni komuniti setempat agar lebih berdaya maju dalam aspek kewangan, sosial

1 | MENYOKONG PERTUMBUHAN PKS DALAM PERTANIAN

Agrobank menawarkan pelbagai program pembiayaan khusus untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam rantaian nilai pertanian bagi mengembangkan pemiagaan mereka.

2 | MENINGKATKAN TAHAP SARA DIRI BAGI MENCAPAI KESTABILAN JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN

Agrobank menyokong kelestarian aktiviti pengeluaran makanan dengan menyediakan pembiayaan merentasi rantaian nilai industri pertanian.



PEMBANGKON

PERANTA BERASASKAN (VBI)

PEMERKASAAN SOSIAL

1 | MENYEDIAKAN PEMBIAYAAN MIKRO UNTUK PELANGGAN BERPENDAPATAN RENDAH

Sebagai sebuah IKP*, Agrobank menyokong dan membantu meningkatkan taraf hidup pelanggan yang terpinggir seperti penduduk Orang Asli, golongan berpendapatan rendah B40, wanita dan Orang Kurang Upaya, sebagai penghubung jurang pendapatan penduduk luar bandar dan separa bandar.

2 | MEMPERTINGKATKAN RANGKUMAN KEWANGAN

Memastikan komuniti yang kurang mendapat perhatian diberikan akses kepada perkhidmatan pembiayaan untuk mempertingkatkan taraf ekonomi mereka.

3 | MENYEDIAKAN PERLINDUNGAN YANG MAMPU DIMILIKI BAGI SEGMENT BERPENDAPATAN RENDAH

Agrobank memperkenalkan pelbagai pelan perlindungan takaful yang bukan sahaja mampu dimiliki, tetapi turut memberikan perlindungan yang diperlukan kepada komuniti yang kurang mendapat perhatian seperti golongan isi rumah B40 dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Nota:

*VBI/IKP - Konsep pengantaraan strategik yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2017 bertujuan meningkatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2019	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	3

perikanan, elemen VBI* diterapkan ke dalam nilai-nilai teras dan aktiviti pembiayaan Agrobank. Aktiviti pembiayaan Agrobank tertumpu pada usahawan dan peningkatan dalam kelestarian alam sekitar, yang membentuk asas teras VBI*. Dalam usaha kami untuk menangani perubahan in tanggungjawab mereka melebihi pengendalian aktiviti perbankan berasaskan keuntungan semata-mata. Agrobank beriltizam untuk lai, Agrobank komited dalam membongunkan kemudahan perbankannya ke tahap yang lebih baik dalam usaha membantu pelanggan serta lan persekitaran.



3 | MENYEDIAKAN AKSES KEPADA PEMBIAYAAN MERENTASI RANTAIAN NILAI PERTANIAN

Agrobank telah mempelbagaikan portfolio penyelesaian pembiayaannya dengan mewujudkan program-program pembiayaan mengikut peredaran masa, untuk menyokong model pembiayaan merentasi rantai nilai pertanian yang meliputi pengeluaran, pemprosesan, penyimpanan, pemasaran dan perkhidmatan lain.



KELESTARIAN ALAM SEKITAR

1 | MENGGALAKKAN AMALAN-AMALAN PERTANIAN YANG BAIK

Mendorong amalan-amalan pertanian dan alam sekitar yang baik menerusi pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP), sijil Kemampanan Minyak Sawit Malaysia (MSPO) & Menggunakan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) sebagai garis panduan untuk menilai permohonan pembiayaan.

2 | MENDORONG PEMODENAN DEMI KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Menyediakan pembiayaan untuk menaik taraf memoderkan sektor pertanian termasuk memampatkan kaedah penangkapan ikan untuk kelestarian ekosistem ekologi marin.

stitusi kewangan Islam ke arah pemantapan keusahawanan, kesejahteraan masyarakat, persekitaran yang mampan dan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi .

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2019	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	4



Mu Yiu Liang,
Woon Chin & Son Agriculture Sdn Bhd



Ahira Liakotali,
Hamidah Foods Industries Sdn Bhd



Azmi Jawahir



Abdullah Kandi,
Aini Aini Enterprise



Lim Ah Tiang,
Gang Fishery



*Rakan Strategik
Bisnes Agro Anda*



Hafiz Huzairi Bakar & Roslina Abdul Rashid,
Smart FV Marketing Sdn Bhd



Ramana K. Naidu,
Farmax Plantation (M) Sdn Bhd



Zarina Zetaria,
Sinar ZZ Enterprise



Saipol Azmir Zainuddin



Kasnor Anak Korar,
Kina Korar Agrolam



Muzlan Ramlee,
Wanz Along General Trading



Kamaruzzaman Abdul Jalil,
Desa Selatan Beef Sdn Bhd



Ibrahim Yeo Abdullah,
Ira Enterprise Sdn Bhd



Dato' Lau Hai Poo,
Lai Hin Trading Sdn Bhd



Datuk Yop Yun Fook,
Evergreen Livestock Sdn Bhd



Nor Hayati Senin,
Mesra Ria Service

Ikan laga dijual RM7,000 seekor

**Muncul juara
sempena Terengganu
Betta Monsoon Cup
Vol 3**

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Sekor ikan laga yang menjadi juara (Grand Champion) dengan mengalahkan 2,305 ikan lain dalam pertandingan kecantikan ikan laga hiasan, Terengganu Betta Monsoon Cup Vol 3 akan dijual pada harga RM7,000.

Selain menjadi juara keseluruhan, ikan betta fish atau nama saintifiknya betta splendens hasil pertarungan Grup Betta Koboi dari Perlis yang berusia empat bulan itu turut memenangi tiga lagi kategori lain iaitu Best of Multicolour, Division Champion dan Halfmoon Plakad (B28-AOC/Special).



Ikan kacuk daripada spesies anatar betta dan koi galaxy betta yang mengalahkan 2,305 ikan laga lain ini akan dijual pada harga RM7,000.

Menurutnya, kemenangan itu bertaloi dengan usaha keras sejak berkecimpung dalam pertandingan ikan laga pertengahan tahun ini.

"Saya sebenarnya tak sangka ikan ini menjadi juara dan menjadi pilihan juri mengalahkan 2,305 ikan lain yang bertanding sebab saya tak pernah letak sasaran pun untuk bergelar juara keseluruhan dalam pertandingan ini.

Grup Betta Koboi dari Perlis menjuarai keseluruhan pertandingan ikan laga Terengganu Betta Monsoon Cup Vol 3 di Muzium Negeri Terengganu semalam.

Selain mengalahkan ikan yang dipertandingkan dari Malaysia, ikan kacuk daripada spesies anatar betta dan koi galaxy betta itu turut mengalahkan ikan laga daripada negara jiran iaitu Thailand,

Singapura dan Indonesia. Pemiliknya, Shahrul Hafifi Sobri, 30, dari Arau, Perlis berkata, dia tidak menyangka ikan diternaknya itu menjadi juara dalam pertandingan terbesar itu.

setakat ini dia telah menyertai sebanyak sembilan pertandingan ikan laga sejak julai lalu dan pertandingan kali ini disifatkan sebagai yang terbesar pernah disertai. "Pertandingan di Terengganu kali ini menjadi rekod baharu dan terbesar yang saya pernah pegang kerana melibatkan sejumlah ikan yang begitu banyak dipertandingkan hingga memecahkan rekod dunia," katanya yang membawa pulang wang tunai RM1,888 dan empat trofi kemenangan.

Sementara itu penganjur program, Mohd Fajih Alaihijah Mustafa, 29, berkata, pertandingan itu diadakan untuk menguji dan menilai kecantikan setiap seekor ikan yang bertanding.

Katanya, Terengganu Betta Monsoon Cup Vol 3 yang diadakan dengan kerjasama Muzium Negeri, Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu dan Jabatan Perikanan Terengganu mencipta rekod baharu dengan menyaksikan jumlah penyertaan sehingga 2,306 ikan dengan sebanyak 131 kategori untuk dinilai oleh 12 orang juri.

Koperasi petani kurangkan fungsi orang tengah

Dari
Kaca
Mata

Prof Dr Fatimah
Mohamed Arshad

Felo Penyelidik Institut Kajian
Dasar Pertanian dan Makanan
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Pemasaran bererti pemindahan barangan dan perkhidmatan daripada titik pengeluaran ke titik penggunaan. Antara dua titik itu, wujud pelbagai fungsi yang semua memerlukan individu perantara untuk melaksanakannya. Itulah 'orang tengah'.

Hampir semua komoditi pertanian dan makanan menampilkan struktur pemasaran yang dipanggil berbentuk 'hour-glass' atau 'gelas masa' yang ramping di tengah.

Dalam struktur sebegini, di bahagian bawah terdapat ramai pengeluar, tetapi di tahap pertengahan seperti pengilang atau pemborong, bilangan mereka kecil, tetapi syer pasaran masing-masing besar.

Contoh nyata adalah pasaran padi dan beras. Bilangan petani 197,100, pengilang (175), pemborong (1,618), pengimport (satu atau monopoli), peruncit (27,914) dan pengguna (31.9 juta) seperti direkodkan pada 2016. Apabila data ini dilakarkan rajahnya, ia berbentuk 'hour-glass'.

Kepada petani, orang tengah menyediakan pelbagai khidmat. Pertama, mereka berperanan sebagai penghubung kepada pasaran. Di kawasan pedalaman yang terasing, orang tengah mendekatkan pengeluar kepada pasaran dalam dan luar negara.

Orang tengah juga sumber kredit kepada pengeluar di mana bayaran ditolak daripada hasil jualan. Jalinan ini bertapak lama, tetapi masih aktif walaupun era berganjak ke arah pemodenan dan wujud Bank Pertanian atau komersial dalam pasaran.

Orang tengah pada peringkat sawah atau ladang juga sumber kredit peribadi. Kredit boleh diminta bila-bila

masa, tanpa sandaran atau dokumen. Pembayaran balik dibuat dengan menolaknya daripada hasil jualan. Kredit ini sangat fleksibel mengikut kehendak ekonomi dan sosial petani.

Dengan kata ringkas, orang tengah melaksanakan fungsi perantara dan pemiutang kepada petani. Pertalian simbiotik ini dipersetujui kedua-dua pihak, tetapi tidak semestinya 'menang-menang', sebaliknya berbentuk asimetrik atau tidak serata.

Banyak bukti menunjukkan bahawa orang tengah yang berskala besar memeras petani kecil dengan harga rendah dan menambat petani supaya terus berhutang dengan mereka. Keterdesakan hidup dan pendapatan tidak bertambah dengan banyak menyebabkan petani masih terikat dengan orang tengah, sama ada melalui kredit atau jualan hasil mereka.

Kesannya, petani masih terus terperangkap dalam jurang kemiskinan. Walaupun pendapatan bertambah, kesan inflasi menurunkan pendapatan benar mereka.

Dalam kes padi, terdapat kes potongan padi dikenakan sehingga 75 peratus. Purata potongan padi adalah 20 peratus berbanding 17 peratus pada era 1970-an dan 1980-an.

Apabila potongan tinggi, pendapatan bersih petani menurun dan mendorong mereka berhutang lagi kepada orang tengah untuk persediaan musim seterusnya. Petani menyedari diperas, tetapi dikaburi keterdesakan dan keperluan hidup.

Mengapa pertalian ini terus wujud walaupun bibit pemerasan berterusan? Hal ini terjadi kerana wujud situasi asimetri antara kedua pihak.

Petani atau nelayan kecil adalah miskin dan tiada akses kepada maklumat pasaran, sebaliknya orang tengah memiliki modal tinggi dan jaringan pasaran yang meluas dengan peniaga dan pengguna.

Kedua, tiada persaingan dalam pasaran pembeli, maka pilihan petani terbatas. Ini menjadikan petani kecil tidak memiliki kuasa berunding yang kukuh apabila berdepan pembeli atau pengilang besar yang kukuh kedudukan kewangannya.

Nyata, pemodenan gagal mengubah nasib petani. Lantas, mampukah petani mengetepikan orang tengah sama

sekali? Jawapannya tidak, tetapi petani boleh memendekkan saluran pasaran.

Untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan kuasa antara petani-pembeli, koperasi petani antara penyelesaian terbaik. Melaluinya, suara petani lantang dan kukuh kerana mereka bersatu di bawah koperasi. Koperasi juga memiliki kuantiti mencukupi untuk berunding sama tinggi dengan pembeli besar.

Melalui koperasi, petani boleh menjadi orang tengah dengan menjual terus kepada perantara lain dan pengguna. Koperasi boleh mengambil faedah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan *Internet of Things* (IOT) untuk mempercepatkan pemasaran dan agihan jualan.

Dicadangkan juga supaya koperasi generasi baharu diperkenalkan yang mana integrasi ke hadapan dilaksanakan untuk membolehkan petani menceburi kegiatan nilai tambah seperti perkilangan dan pemprosesan. Kegiatan ini akan memajukan lagi koperasi, selain faedah ekonomi dan sosial kepada ahli.

Selagi petani atau nelayan tidak diberi peluang menceburi kegiatan nilai tambah, selagi itu kesejahteraan hidup mereka tidak akan terbelak. Pengeluaran primer tidak memberi pulangan mencukupi.

Untuk menggalakkan pembangunan koperasi generasi baharu, ia perlu disokong inovasi sesuai dengan petani kecil seperti aplikasi ICT dan IoT untuk perniagaan, perkilangan, agihan, kewangan dan sebagainya. Diperlukan juga mesin, jentera atau peralatan dan kilang yang sesuai untuk sawah atau ladang bersaiz kecil dan sederhana.

Insentif dan subsidi produktif perlu disediakan kepada koperasi untuk membantu perjalanan koperasi itu. Khidmat pengembangan perniagaan dan teknikal adalah satu kemestian kepada koperasi generasi baharu ini.

Pokoknya, orang tengah memang tidak boleh disingkirkan, tetapi khidmat mereka boleh diminimumkan melalui koperasi petani yang berintegrasi ke hadapan, yang membolehkan petani mengambil alih tugas orang tengah melalui kegiatan pemasaran, perkilangan dan perniagaan.

By SIMON KHOO
simonkhoo@thestar.com.my

GUESTS and visitors at the Swiss-Garden Beach Resort Damai Laut in Perak were treated to a memorable experience to release sea turtle hatchlings along the beach front.

The unique programme held with the support from OSK Foundation saw more than 50 hatchlings making their way into the open waters.

Located along the southern reaches of Lumut, the resort with its pristine white sandy beach near the only turtle sanctuary on the west coast, is one of the natural places identified to be suitable for the release of these endangered species.

Leading the management team were Swiss-Garden International chief operating officer Peter Gan, its newly-appointed resort general manager Christoph Weidemann and sales and marketing director Linda Evelyn Wong.

Staff from several organisations also collaborated at the event, which saw guests and visitors

Front-row seats to turtle hatchlings release on beach



The sea turtles hatchlings making their way into the open sea.

sanctuary to raise awareness and share information about the marine reptiles that are in danger of extinction.

A mini exhibition and a colouring event were also held at its main lobby.

After releasing the hatchlings, guests were invited to enjoy refreshments at the Garden Terrace coffee house.

Set against a backdrop of lush tropical forest with a panoramic view of the Straits of Malacca, the resort offers guests an unspoilt nature hideout away from the hustle and bustle of city life.

It is also one of the gateways to the surrounding islands including Pangkor Island.

Among the recreational and leisure facilities are the award-winning 18-hole golf course, free-form swimming pools, a private beach, recreation centre, a gymnasium, kids club, a water sports centre and team-building courses.

commitment to support social responsibility and wildlife, they worked closely with the sanctuary to ensure the success of the programme.

"It is a privilege for us to participate and play our part in the care and protection of these endangered species.

"As these baby turtles face threats from land predators, they are released in the late evening.

"It was an amazing sight for all, especially children, witnessing them finding their way slowly into the waters," he said.

He added that the resort would continue to work with the